

12. Berita tentang kejayaan seorang pengkaji sejarah menemukan pusara lama berusia 3000 tahun di pinggir sungai itu telah merebak ke seluruh negara.
-

PRAKTIS 3

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Ariyan perlu membuat keputusan samada mahu melanjutkan pelajaran ke luar negara ataupun tidak.

2. Murtabak yang dibeli oleh ayah petang tadi telah basi.

3. Galakkan daripada ibu bapa banyak membantu meningkatkan prestasi murid.

4. Mereka sekeluarga akan ke Pulau Pinang dengan menaiki keretapi.

5. Adik saya perlu dimasukkan ke dalam wad kerana demam panas.

6. Encik Ganesh mahu memohon jawatan juru latih pasukan bola sepak negeri untuk musim itu.

7. Tragedi yang mengorbankan banyak nyawa itu sungguh dasyat dan mengerikan.

8. Pihak polis mengesahkan tiada mangsa yang cedera parah dalam kemalangan di simpang tiga semalam.

9. Ibu tidak dapat menyembunyikan kerisauannya apabila abang tidak pulang sejak semalam.

10. Masalah-masalah itu akan dapat diselesaikan dengan pengurusan yang lebih sistemetik.
